

# Negara Islam sepakat amal Islam Hadhari

**KUALA LUMPUR** 17 Feb. – Delegasi Multaqa Alumni Al-Azhar 2008 di sini sepakat agar semua negara Islam mengamalkan pendekatan Islam Hadhari yang diamalkan oleh Malaysia untuk memacu kemajuan umat Islam.

Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Datuk Dr. Abd. Shukor Husin berkata, ini kerana pendekatan tersebut menumpukan kepada pembangunan rohani dan *spiritual* yang seimbang.

Katanya, walaupun pendekatan tersebut masih di peringkat pelaksanaan tetapi para delegasi bersetuju yang ia memberi keutamaan kepada kesepaduan di antara penguasaan ilmu dan pembangunan.

“Pengalaman Malaysia selama tiga tahun mengamalkan konsep Islam Hadhari dalam membina ketamadunan bangsa, ekonomi, kerjasama antarabangsa dan penguasaan ilmu berteraskan Islam, membuka minda negara-negara Islam agar tidak bertumpu kepada aspek agama sahaja,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas membentangkan kertas kerja “Pendekatan Islam Hadhari: Pengalaman Ma-

laysia” pada hari ketiga Multaqa di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLLCC) di sini hari ini.

Ahli panel yang lain ialah pensyarah Universiti Al-Azhar, Dr. Fuad Al-Nadi; pensyarah Universiti Islam Imam Muhammad bin Suud, Riyadh, Prof. Dr. Mohammad Ahmad Al-Salleh dan pensyarah Universiti Al-Azhar, Prof. Dr. Mohammad Abd. Sattar Nassar yang turut membincangkan mengenai warisan dan pembaharuan.

Dalam pada itu, Abd. Shukor yang juga pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan berkata, negara-negara Islam perlu melakukan perubahan dan bukan hanya bercakap mengenai teori tanpa praktikal.

“Apa yang diperbincangkan perlu dipraktikkan ke arah menjana kemajuan umat Islam berpandukan petunjuk agama yang suci di samping mengembalikan kegemilangan dan kecemerlangan umat Islam.

“Malaysia yang berlatar belakangkan masyarakat majmuk telah mengaplikasikan pendekatan tersebut sebagai model kepada negara-negara Islam yang lain,” jelasnya.



SEBAHAGIAN daripada delegasi yang menyertai Multaqa Sedunia Alumni Al-Azhar 2008 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam.

## Delegasi asing tertarik kejayaan Program J-Qaf

**KUALA LUMPUR** 17 Feb. – Delegasi asing yang mengikuti Multaqa Sedunia Alumni Al-Azhar 2008 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini tertarik dengan Program J-Qaf yang memberi penekanan kepada ilmu agama selain pendidikan akademik sejak sekolah rendah lagi.

Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Datuk Dr. Abd. Shukor Husin berkata, program yang disifatkan menjadi landasan kukuh ajaran Islam negara itu juga sudah mula ‘diintai’ untuk dibawa ke luar negara.

“Terkejut juga saya apabila ada delegasi menyatakan minat dengan program J-Qaf.

**Saya terangkan pengenalan, kebaikan dan tujuan J-Qaf. Mereka minat dan mahu bawa program itu ke negara mereka**

Mereka kagum dengan penekanan agama yang diberi sejak dari kecil.

“Saya terangkan pengenalan, kebaikan dan tujuan J-Qaf. Mereka minat dan mahu bawa program itu ke negara mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa sidang akhbar selepas menjadi penyampai kertas

kerja pada sesi ‘Warisan dan Pembaharuan’ sempena Multaqa Sedunia Alumni Al-Azhar KLCC di sini hari ini.

Program J-Qaf diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 2003 bertujuan melahirkan murid sekolah rendah yang bukan sahaja dapat menguasai kemahiran membaca al

**DR. ABD. SHUKOR HUSIN**  
Naib Canselor  
Universiti Sains  
Islam Malaysia

Quran malah dapat menguasai bahasa Arab, tulisan jawi dan menghayati asas fardu ain.

Tambah Abd. Shukor, beliau menjangka minat delegasi kali ini kepada Program J-Qaf sama dengan pengenalan Islam Hadhari yang diperkenalkan mereka.

“Mereka nampak masa depan program J-Qaf. Ia membentuk lulusan akademik yang mempunyai pakej pendidikan dan agama.

“Jelas program J-Qaf memberi satu pendekatan baru dan membuka mata dunia kepada usaha negara selama ini dalam ajaran Islam,” ujarnya.